

01 JUN 2003

MCA-Spekulasi

HENTIKAN SPEKULASI CALON NAIB PRESIDEN MCA

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy menggesa pihak-pihak dalam MCA supaya menghentikan spekulasi berhubung calon jawatan Naib Presiden parti itu kerana ia boleh menggugat kestabilan parti.

Chan berkata isu kekosongan jawatan itu hanya akan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA dan parti itu tetap berpegang kepada prinsipnya untuk tidak membincangkan isu-isu dalamannya secara terbuka.

"Kita (MCA) akan bincang dan selesaikan isu dalaman seperti kekosongan jawatan dalam MCA dalam mesyuarat parti bila tiba masanya...kita tak percaya kepada ura-ura," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Festival Dumpling di sini hari ini.

Chan, yang juga Timbalan Menteri Kewangan, berkata demikian ketika diminta mengulas desas-desus berhubung beberapa calon dijangka mengisi kekosongan Naib Presiden parti itu seperti yang dilaporkan media tempatan kebelakangan ini.

Jawatan berkenaan sebelum ini dipegang Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Chan yang masing-masing dilantik sebagai Presiden serta Timbalan Presiden parti oleh Jawatankuasa Pusat MCA pada 23 Mei lepas.

Dua lagi Naib Presiden MCA ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Mereka menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek yang meletakkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti sebagai usaha menyelesaikan krisis kepimpinan dalam parti itu yang telah berlarutan hampir dua tahun.

Dr Ling pada 28 Mei berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju menerima peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan.

Dalam perkembangan lain, Chan berkata cadangan MCA untuk mengehadkan tempoh jawatan tidak melebihi tiga penggal berturut-turut atau sembilan tahun hanya membabitkan jawatan presiden sahaja.

MCA juga, kata Chan belum menentukan calon-calon yang akan bertanding pada pilihan raya akan datang, tetapi beliau tidak menolak kemungkinan muka-muka lama turut bertanding.

Mengenai persediaan parti itu untuk pilihan raya beliau berkata, "Beri kami (MCA) sedikit masa lagi (bagi menyusun strategi)."

Sementara itu, MCA Bahagian Bukit Bintang akan mencadangkan semula Pengerusinya Datuk Lee Chong Meng sebagai calon kawasan itu kerana beliau telah memberikan perkhidmatan yang baik walaupun tewas dalam pilihan raya lepas.

"Walau bagaimanapun, cadangan itu perlu mendapat restu pucuk pimpinan MCA dan Barisan Nasional sebelum ianya dipraktikkan," kata Chan.

Ketika ditanya adakah calon MCA bahagian lain akan turut dicadangkan semula, beliau berkata ianya bergantung kepada perlembagaan parti itu dan prestasi semasa calon terbabit.

Festival Dumpling anjuran MCA Bukit Bintang merupakan satu usaha mempromosi makanan tradisi masyarakat Tionghua dan berjaya menarik sambutan masyarakat berbilang bangsa.

Antara program yang diadakan termasuk ceramah, demonstrasi dan pertandingan membuat dumpling serta persembahan artis tempatan.

-- BERNAMA

RW KHY ROS